

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status pelaksanaan terkini Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah dilancarkan pada Januari 2020 (Pelan) dan siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan Pelan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited meneruskan usaha bagi menangani punca perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 2020 sehingga 2025. Pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur. Program dan tindakan yang dirancang sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan pelan akan mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran.

SOALAN NO : 14

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan ini berjalan dengan lancar maka satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan serta perkembangan program dan tindakan yang telah dirancang bagi setiap strategi di bawah faktor. Selain itu, Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini juga akan berkuat kuasa dari selama lima tahun sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bilangan 1 bagi tahun 2020 telah diadakan pada 24 Ogos 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga bercadang untuk mengadakan beberapa siri konsultasi di semua negeri mengenai cadangan kenaikan had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan. Kementerian juga akan meneruskan usaha untuk mengadakan perbincangan bersama UNICEF yang tertangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sesi libat urus juga akan diadakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian/Jabatan Kerajaan, Ahli Akademik, pakar hak asasi kanak-kanak, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agamawan serta wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bersama komuniti dari etnik tertentu yang masih mengamalkan perkahwinan bawah umur melalui undang-undang adat.

Kita amat berharap supaya kerjasama dari semua pihak termasuk rakan daripada pihak pembangkang, ahli akademik, NGO dapat diteruskan sebagai rakan strategik bersama Kementerian dalam mengekang perkahwinan bawah umur ini dan seterusnya merealisasikan potensi penuh kanak-kanak di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]
TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang negara dari Mei 2018 sehingga Februari 2020. Kita diberitahu bahawa dalam jangka pendek defisit negara akan meningkat. Apakah perancangan khusus jangka panjang untuk mengurangkan defisit hutang negara di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan pengiraan had statutori, nisbah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada akhir 2018 adalah 47.5%, akhir-2019 (48.7%) dan akhir-Jun 2020 (53.2%), masih di bawah had 55% KDNK yang ditetapkan.
2. Susulan penularan pandemik COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak

NO SOALAN :15

mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% berbanding 3.2% daripada KDNK.

3. Semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi tersebut adalah bersifat *one-off* dan tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini adalah antara strategi Kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana secara berperingkat seterusnya memastikan kedudukan fiskal dan hutang Kerajaan Persekutuan kekal pada paras terkawal.
4. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan serta memastikan paras hutang Kerajaan terkawal. Pada masa ini, Kerajaan menggunakan pakai Kerangka Fiskal Jangka Sederhana atau dengan izin, *Medium Term Fiscal Framework* (MTFF) sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal untuk jangka masa sederhana (3 hingga 5 tahun) di samping selari dengan Rancangan Malaysia jangka panjang. Kerajaan juga dalam proses merangka Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang dijangka akan dibentangkan pada 2021 untuk mengukuhkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal. Dalam masa yang sama, Kerajaan mengutamakan pinjaman dalam negeri bagi memastikan risiko tukaran wang asing dan kos pinjaman yang lebih rendah. Pematuhan kepada disiplin fiskal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan kewangan negara kekal kukuh serta meningkatkan ruang fiskal pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.